

Bismillaahirrahmaanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

**YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;**

**YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang,
Ketua Audit Negara;**

**Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua
Jabatan dan Agensi Kerajaan;**

**YBhg. Tan Sri - Tan Sri, Dato' Sri - Dato' Sri, Dato' - Dato', dan rakan-rakan media yang
dihormati sekalian.**

PENDAHULUAN

1. Saya memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana di bawah rahmat dan inayahNya, kita masih diberi kesempatan untuk hadir bersama di majlis **Sesi Bersama Media Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3** pada hari ini. Sesi Bersama Media ini dapat diadakan buat kali ketiga bagi tahun ini selepas pembentangan di Parlimen pada 23 November 2015. Sehubungan itu, saya berharap agar laporan media yang tepat dan menyeluruh dapat dibuat dengan mengambil kira tindakan penambahbaikan yang telah diambil.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014 SIRI 3

2. Untuk makluman semua, dalam Laporan Ketua Audit Negara terdapat 2 bentuk teguran iaitu teguran *punitive* yang melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuiaan pelaksanaan tugas dan teguran *corrective* yang melibatkan penambahbaikan sistem dan prosedur.

3. Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3 terdapat **708 teguran** iaitu **26 teguran *punitive*** dan **682 teguran *corrective***. **26 teguran *punitive*** tersebut melibatkan **4 Kementerian, 1 Badan Berkanun Persekutuan dan 5 Kerajaan Negeri.**

4. Di peringkat kementerian, terdapat **12 teguran *punitive*** melibatkan:

a) **Kementerian Kerja Raya**

1 teguran bagi **Pengurusan Kerja Awalan Melalui Kontrak Kerja Jabatan Kerja Raya.**

b) Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Kerja Raya

6 teguran bagi Projek Menaik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat.

c) Kementerian Pendidikan Malaysia

3 teguran bagi Pengurusan Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan.

d) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

2 teguran bagi Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli di Jabatan Kemajuan Orang Asli.

5. Bagi Badan Berkanun Persekutuan, kesemua 4 teguran punitive adalah melibatkan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

6. Manakala bagi Kerajaan Negeri, 10 teguran punitive melibatkan:

a) 3 teguran bagi Pengurusan Jualan Tiket Operasi Bas Awam di Syarikat Panorama Melaka Sdn. Bhd., Negeri Melaka;

b) 1 teguran bagi Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan dan Galian, Negeri Terengganu;

c) 3 teguran bagi Pengurusan Pembangunan di Kawasan Bukit, Negeri Pulau Pinang;

d) 1 teguran bagi Pengurusan Perolehan - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Negeri Selangor; dan

- e) **2 teguran** bagi **Pengurusan Taman Hidupan Liar Lok Kawi, Jabatan Hidupan Liar, Negeri Sabah.**

Tindakan Susulan Ke Atas Teguran *Punitive* LKAN 2014 Siri 3

7. Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan **4 Jawatankuasa Siasatan Khas** bagi menyiasat **12 teguran punitive** yang melibatkan **4 kementerian** berkenaan. Siasatan ini bertujuan untuk memperoleh keterangan yang relevan dari aspek kesaksian dan keterlibatan pegawai dalam kes-kes yang dilaporkan. Sekiranya wujud asas kukuh, bahawa pegawai didapati melakukan salah laku atau kecuaiian, maka tindakan tatatertib, surcaj, atau pertuduhan jenayah di mahkamah akan dikenakan terhadap pegawai.

8. Berdasarkan siasatan tersebut:

a) **9 teguran mempunyai asas untuk dimulakan prosiding tatatertib** yang melibatkan **24 pegawai[1]**;

b) **2 daripada 9 teguran** tersebut yang melibatkan kes **Pengurusan Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama** di **Kementerian Pendidikan Malaysia** dan **Projek Menaik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat** di **Kementerian Kesihatan Malaysia**, juga telah diserahkan kepada pihak **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk dijalankan siasatan** kerana disyaki ada unsur-unsur perlakuan rasuah; dan

c) **3 teguran** didapati **tiada unsur penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian pelaksanaan tugas** tetapi sebaliknya memerlukan penambahbaikan sistem, prosedur dan peraturan semasa. Untuk **3 teguran** ini, **penelitian susulan** telah dibuat bersama **Jabatan Audit Negara, Kementerian Kewangan, Penasihat Undang-Undang Jabatan Perkhidmatan Awam** dan **disahkan tiada kes** terhadap teguran tersebut.

Anggaran Kerugian Kewangan

9. Berdasarkan siasatan tersebut, **2 teguran** di **Kementerian Kerja Raya** dan **Kementerian Pendidikan Malaysia** telah melibatkan **kerugian** di pihak Kerajaan sebanyak **RM501,524.33**[2]. Teguran-teguran lain **tidak melibatkan kerugian kewangan** sebaliknya kesalahan yang berlaku adalah akibat ketidakpatuhan kepada peraturan kewangan.

10. Bagi 14 teguran yang melibatkan Badan Berkanun dan Kerajaan Negeri, perkara ini akan dibawa oleh Jabatan Audit Negara ke peringkat Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara untuk menentukan bentuk tindakan yang akan diambil.

Status Tindakan Susulan Ke Atas Teguran Corrective LKAN 2014 Siri 3

11. Bagi **682 teguran corrective, 37.4%** atau **255 teguran** telah selesai diambil tindakan penambahbaikan oleh kementerian/agensi yang berkenaan manakala **62.6%** atau **427 teguran** masih dalam tindakan kerana teguran-teguran tersebut melibatkan kajian dan pindaan kepada peraturan-peraturan berkaitan. Status tindakan ini dipantau melalui *Dashboard* Jabatan Audit Negara.

RUMUSAN LKAN 2014

12. Saya ingin merumuskan bahawa bagi keseluruhan Siri 1 hingga Siri 3, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014, daripada **1,662 teguran** hanya **2.9%** atau **49 teguran adalah teguran punitive** manakala **97.1%** atau **1,613 teguran adalah berbentuk corrective**. Ini

bermakna pada keseluruhannya penjawat awam telah dapat melaksanakan semua program pembangunan dan perolehan Kerajaan dengan menepati prosedur yang ditetapkan dan bebas daripada sebarang penyelewengan dan salah laku.

13. Ingin saya tegaskan bahawa, walaupun hanya 2.9% merupakan teguran *punitive*, Kerajaan tetap mengambil tindakan tegas terhadap sebarang penyelewengan dan salah laku. Bagi teguran *punitive* Siri 3, tindakan sedang diambil sebagaimana yang telah saya jelaskan sebentar tadi, manakala bagi teguran *punitive* Siri 1 dan Siri 2:

a) di peringkat Kementerian, seramai **16 pegawai** telah dimulakan **prosiding tatatertib** di mana **9 pegawai** telah **diputuskan hukuman** oleh Lembaga Tatatertib berkenaan yang meliputi hukuman Amaran sehingga Turun Pangkat. **1 pegawai** pula dalam pertimbangan untuk tujuan buang kerja atau turun pangkat dan **6 pegawai** dalam proses penentuan hukuman; dan

b) di peringkat Badan Berkanun Persekutuan, daripada **30 pegawai** yang dinamakan, **17 pegawai** dalam **prosiding tatatertib** manakala **13 pegawai** lagi **telah dibebaskan**.

14. Di samping itu, bagi **931 teguran corrective**, **69.3%** atau **645 teguran** telah selesai diambil tindakan penambahbaikan dan **30.7%** atau **286 teguran** masih dalam tindakan.

PERBANDINGAN LKAN TAHUN 2013 DAN LKAN TAHUN 2014

15. Dari segi perbandingan dengan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013, didapati teguran *punitive* pada tahun 2014 telah menurun sebanyak **51% (daripada 100 kepada 49 teguran)**. Saya percaya ini adalah hasil tindakan proaktif dan tegas yang diambil oleh Kerajaan di samping program peningkatan kompetensi yang dilaksanakan secara berterusan seperti:

a) **menubuhkan Jawatankuasa Siasatan** seawal peringkat **Exit Conference**; dan

b) **mengadakan kursus** Persijilan Pengurusan Projek Awam Bersepadu (3PAB), Kursus Sijil Pentauliahan Perolehan Kerajaan dan program Persijilan Pegawai Integriti Bertauliah Atau *Certified Integrity Officer* (CeIO) bagi **meningkatkan kompetensi pegawai dari aspek pengurusan projek pembangunan, perolehan dan pemantapan integriti**. Sehingga kini, **30 kursus** melibatkan **816 pegawai** telah dilaksanakan.

16. Seterusnya dalam usaha Kerajaan untuk memantapkan tadbir urus pelaksanaan projek pembangunan dan perolehan, Kerajaan telah memberi mandat kepada **Ketua-Ketua Unit Audit Dalam di kementerian untuk memaklumkan terus kepada Ketua Audit Negara** sebarang dapatan Audit Dalam agar isu-isu yang berkaitan salah guna kuasa atau rasuah dapat ditangani dengan segera dan berkesan. Kerajaan turut mengarahkan agar **40% daripada keseluruhan aktiviti pengauditan tahunan** yang dirancang memberi fokus kepada **aspek perolehan Kerajaan**.

17. Di kesempatan ini, saya juga ingin memaklumkan bahawa pada 19 November 2015, Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan mengenai **Dasar Pemisah atau Exit Policy**. Dasar ini adalah bukti usaha berterusan Kerajaan untuk mewujudkan Perkhidmatan Awam yang **berprestasi tinggi dan berintegriti** dengan menamatkan perkhidmatan pegawai yang berprestasi rendah kerana hasil kerja yang tidak menepati standard, kurang pengetahuan dalam penghasilan kerja dan tahap kualiti peribadi dan disiplin yang tidak memuaskan.

PENUTUP

18. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir. Bersama-sama saya pada hari ini adalah semua Ketua Setiausaha dan Ketua Jabatan yang berkenaan untuk memberi penjelasan dan menjawab persoalan, jika ada, daripada pihak media berhubung Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3.

Sekian,

WabillahiTaufikWalhidayah Wassalaamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.

Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Jabatan Perdana Menteri

2 DISEMBER 2015

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2040>